

19 MAR 1998

Mahathir-Jerman

DR MAHATHIR BERTEMU HELMUT KOHL

Oleh: Yong Soo Heong

HANNOVER, 19 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perbincangan dua hala dengan Canselor Jerman Helmut Kohl di sini, pagi ini.

Pertemuan itu, yang bermula pada 11.40 pagi berakhir pada 12.45 tengah hari.

Pegawai-pegawai yang mengiringi Dr Mahathir dalam pertemuan itu berkata, kedua-dua pemimpin itu menumpukan perbincangan kepada cara-cara meningkatkan hubungan dua hala dan juga mengenai Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di London pada 3 dan 4 April depan.

Dr Mahathir yang berada di sini kerana lawatan tiga hari, tiba di sini pada lebih kurang 5.30 pagi dari Dubai. Beliau diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Pada sebelah petang beliau dijangka berceramah di Forum Perniagaan Malaysia-Jerman di Dewan Bandaran Hannover. Ceramah Dr Mahathir akan bertumpu kepada krisis ekonomi Asia Tenggara.

Selepas forum itu, beliau akan mempengerusikan mesyuarat meja bulat ketua-ketua eksekutif yang dianjurkan oleh Siemens AG.

Pada sebelah malam, beliau akan menjadi tetamu kehormat di majlis makan malam anjuran Deutsche Telecom.

Pada pagi Jumaat, Perdana Menteri akan melawat pameran teknologi maklumat (IT) dan telekomunikasi Cebit 98 di sini dan menghadiri jamuan anjuran Deutche Messe AG, penganjur pameran itu.

Selepas jamuan itu, beliau akan menyampaikan ucapan dasar di seminar pelaburan Koridor Raya Multimedia.

Beliau juga akan mengadakan persidangan berita pada tengah hari dan pada sebelah malam berceramah mengenai perkongsian pintar di jamuan yang dianjurkan oleh Duta Malaysia ke Jerman, Datuk Zainuddin Abdul Rahman.

Pada pagi Sabtu, beliau sekali lagi akan melawat pameran Cebit 98 sebelum berlepas ke London.

Beliau dijangka tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Kuala Lumpur pada 6.25 petang Ahad. -- BERNAMA

SHY PR